

**Mic Johor Cadang Parti Adakan Pemilihan Tahun In
Bernama
7 Jun, 2013**

MUAR, 7 Jun (Bernama) -- Setiausaha MIC Johor M. Asojan menggesa pucuk pimpinan parti pusat mengikut jejak langkah parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain dengan mengadakan pemilihan parti pada tahun ini.

Anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Gambir itu berkata MIC sudah tiada alasan lagi untuk menangguhkan sidang pemilihan parti yang sepatutnya diadakan pada Februari 2012.

"Dulu kita mengemukakan alasan kepada Pendaftar Pertubuhan bahawa kita kena tangguhkan sebab pilihan raya umum ke-13. Sekarang ini, kita tidak ada alasan lagi untuk menangguhkan sidang pemilihan," katanya kepada pemberita di Pusat Khidmat Wakil Rakyat Dewan Undangan Negeri Bukit Gambir di sini Jumaat.

MIC dijadual mengadakan pemilihan pada awal tahun depan.

Asojan berkata pemilihan wajar diadakan lebih awal untuk mendapatkan pemimpin pelapis yang mempunyai idea baharu bagi memperkukuh MIC.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954695>